

**HUKUMAN ALTERNATIF BERORIENTASIKAN PEMULIHAN KE ATAS PESALAH
JENAYAH: ANALISIS TERHADAP KESESUAIAN SERTA MEKANISME
PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH**

***ALTERNATIVE PUNISHMENT ORIENTED TO RESTORATION ON CRIMINAL
OFFENDERS: ANALYSIS OF SUITABILITY AND ITS IMPLEMENTATION MECHANISM
IN SYARIAH COURTS***

^{i,ii*}Hasnizam Hashim, ^{i,ii}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i,ii,iii,iv}Ahmad Syukran Baharuddin, ^{i,ii}Zulfaqar Mamat, ^{i,ii}Lukman Abdul Mutalib, ^{i,ii}Mohamad Aniq Aiman Alias, ⁱBaidar Mohammed Mohammed Hassan & ⁱⁱⁱNorma Jusof

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱKementerian Pendidikan Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejallat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

*(Corresponding Author) e-mail: hasnizam@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 15 June 2024

Received in revised form: 30 June 2024

Acceptance date: 4 July 2024

Available online: 5 July 2024

Keywords:

Alternative punishments, Syariah legal system, offender rehabilitation, Malaysian Syariah court, hukuman alternatif, sistem perundangan Syariah, pemulihan pesalah, Mahkamah Syariah Malaysia

Funding:

This research did not receive any specific grant from funding agencies in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Mohammed Hassan, B. M. M., Jusof, N., & Alias, M. A. A. (2024). Hukuman alternatif berorientasikan pemulihan ke atas pesalah jenayah: Analisis terhadap kesesuaian serta mekanisme pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. *LexForensica: Forensic Justice and Socio-Legal Research Journal*, 1(1), 13-23. <https://doi.org/10.33102/n202z962>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my.

ABSTRACT

The agenda for alternative punishment oriented toward the rehabilitation of shariah criminal offenders requires significant attention. Currently, it is unclear to what extent this approach is implemented within the country's Shariah legal system. This rehabilitation agenda should empower the Shariah legal system, specifically the Syariah Courts. It is essential to understand that the goal of punishment in Islam extends beyond merely punishing the offender; it also includes ensuring the offender's successful rehabilitation. Implementing an effective rehabilitation program necessitates careful planning to provide appropriate rehabilitation based on the specific offence or crime committed. The existing limitations and lack of knowledge regarding the suitability and mechanisms of rehabilitating Shariah criminal offenders within the current national legal system raise questions about the extent to which these offenders receive their right to rehabilitation and justice. This situation calls for the authorities to take the necessary steps to investigate and address the issue. In this study, the researcher employed qualitative methods to unravel the problem and propose improvements in several crucial aspects as initial steps towards implementing more structured alternative punishments in the Shariah Courts. The study found that the rehabilitation of offenders is one of the main objectives of punishment in Islam, and this aspect cannot be overlooked. Furthermore, the study revealed that the scope of rehabilitation-oriented alternative punishment currently applied in the Syariah Courts is minimal and remains 'vague' in its implementation compared to the Civil Courts. Therefore, this discussion aims to raise awareness among the relevant parties, prompting them to seriously consider and take decisive action to evaluate and improve the existing aspects of rehabilitating Sharia criminal offenders.

ABSTRAK

Agenda pelaksanaan hukuman alternatif yang berorientasikan pemulihan pesalah jenayah syariah perlu diberi perhatian sewajarnya kerana sehingga kini tidak diketahui sejauh mana ia dilaksanakan di bawah sistem perundangan syariah negara. Agenda pemulihan ini juga sepatutnya dijadikan sebagai salah satu agenda bagi memperkasakan sistem perundangan syariah negara atau Mahkamah Syariah itu sendiri. Perlu difahami bahawa matlamat hukuman dalam Islam bukanlah sekadar menghukum pesalah, tetapi yang paling utama adalah memastikan pesalah tersebut berjaya dipulihkan. Pelaksanaan program pemulihan mestilah berdasarkan perancangan yang teliti agar bentuk pemulihan yang bersesuaian dapat diberikan berdasarkan kepada kesalahan atau jenayah yang dilakukan. Keterbatasan dan ketidaktahuan tentang sejauh mana kesesuaian dan mekanisme pemulihan pesalah jenayah syarie di bawah sistem perundangan negara pada masa kini membuka persoalan tentang sejauh mana pesalah-pesalah ini mendapat hak mereka untuk dipulihkan dan seterusnya mendapat keadilan. Keadaan ini sepatutnya menjadi desakan kepada pihak berwajib untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengkaji dan menanganinya. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif bagi merungkai permasalahan tersebut serta mencadangkan penambahbaikan terhadap beberapa aspek yang dilihat penting sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan hukuman alternatif yang lebih tersusun di Mahkamah Syariah. Kajian mendapati bahawa aspek pemulihan pesalah adalah salah satu matlamat utama hukuman dalam Islam dan aspek yang berkaitan dengan matlamat tersebut tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Kajian ini juga mendapati bahawa hukuman alternatif berorientasikan pemulihan yang diaplikasikan di Mahkamah Syariah pada masa ini adalah amat kecil skopnya dan masih '*kabur*' dari segi pelaksanaannya berbanding di Mahkamah Sivil. Oleh itu, perbincangan mengenai perkara ini diharapkan dapat membuka mata pihak-pihak berkaitan agar dapat memberikan perhatian yang serius dan mengambil tindakan yang drastik untuk melihat dan mengkaji aspek pemulihan pesalah jenayah syariah sedia ada supaya penambahbaikan dapat dilakukan.

Kata Kunci: *Hukuman Alternatif, pemulihan pesalah, kesesuaian dan pelaksanaan, Mahkamah Syariah Malaysia*

Pengenalan

Hukuman adalah penting dalam usaha untuk mengekalkan situasi aman dan mewujudkan suasana terkawal di dalam sesebuah masyarakat dan negara (Abdul Malik, 2008). Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa antara aspek paling penting untuk menghindari perlakuan jenayah dan perlakuan jenayah berulang bukanlah dengan meletakkan beban ke atas peranan hukuman berbentuk keseksaan semata-mata (Haron, 2004). Keutamaan juga harus diberikan terhadap aspek pemulihan pesalah walaupun ketika mereka sedang menjalani hukuman keseksaan. Program pemulihan yang efektif akan berupaya menghalang penjenayah daripada mengulangi perbuatan jenayahnya pada masa-masa akan datang. Pada masa yang sama, penjenayah yang telah dipulihkan akan dapat dikembalikan kepada masyarakat sebagai warganegara yang berguna sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan negara (Hashim et al., 2021).

Di Malaysia, konsep pemulihan dalam hukuman terhadap pesalah jenayah sivil telah mula diperkenal dan dilaksanakan di bawah perundangan sivil atau di Mahkamah Sivil dan telah berjaya menunjukkan hasil positif (Anon, 2014). Namun begitu, di bawah perundangan syariah negara atau di Mahkamah Syariah, pendekatan ini masih dianggap baru, kabur dan tidak popular berikutan kewujudan pelbagai masalah dan kekangan dalam usaha untuk melaksanakannya (Hashim et al., 2022). Walaupun kebelakangan ini terdapat perbincangan dalam kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang mengenai keperluan aspek pemulihan dalam hukuman bagi pesalah jenayah syariah, namun sehingga kini, penulis berpandangan bahawa masih belum terdapat tindakan agresif yang diambil secara tersusun dan sistematik dalam usaha untuk melaksanakannya kepada pesalah jenayah syariah. Sehingga kini hukuman alternatif ini masih dilihat kurang popular dan kurang mendapat sambutan para pengamal undang-undang bagi tujuan pelaksanaannya ke atas pesalah jenayah syariah (Hashim et al., 2022).

Kepentingan untuk mengemukakan bentuk hukuman baru sebagai alternatif kepada bentuk hukuman sedia ada yang dijatuhkan ke atas pesalah syariah di Malaysia pada hari ini merupakan suatu keperluan mendesak dalam usaha mentransformasi dan seterusnya memperkasa institusi perundangan syariah di negara ini bagi menjadikannya kekal relevan dengan suasana dan keperluan semasa (Hashim & Jamal, 2014). Pada masa kini, setelah puluhan tahun berlalu, hukuman bagi kesalahan jenayah yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah hanya berlegar-legar sekitar denda, penjara dan juga sebatan seperti diperuntukkan di dalam Akta Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355] yang tidak diketahui sejauh mana kesesuaian serta keberkesannya dalam mengetengahkan agenda dan aspek pemulihan dalam hukuman.

Penulisan yang dijalankan ini bertujuan untuk meneliti kesesuaian pelaksanaan hukuman alternatif terhadap pesalah jenayah syariah dan sejauh mana serta mekanisme pelaksanaan hukuman tersebut di Mahkamah Syariah. Penulisan ini amat penting bagi membuka suatu dimensi baru perbincangan ke arah usaha memperkasakan aspek pemulihan pesalah jenayah syariah. Penulisan akan menganalisis peruntukan perundangan serta kaedah pemulihan pesalah jenayah syariah sedia ada di bawah perundangan syariah. Keperluan kepada pemerikasaan aspek pemulihan pesalah syariah sedia ada dilihat selari dengan tuntutan *Maqasid al-Syariah* dan ia dilihat sangat penting bagi menjamin keadilan terhadap pesalah jenayah syariah sebagai suatu usaha untuk memulihkan mereka. Pemerikasaan aplikasi pemulihan pesalah jenayah syariah juga dilihat dapat membantu usaha pihak kerajaan dalam meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam yang terkehadapan dalam bidang perundangan Islam.

Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah

Apabila seseorang tertuduh di dalam sesuatu kes jenayah syariah mengaku salah atau didapati salah dan disabitkan dengan kesalahan (atau kesalahan-kesalahan) yang dia dipertuduhkan, Mahkamah akan menjatuhkan hukuman. Kebiasaannya peruntukan hukuman bagi sesuatu kesalahan menetapkan hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah; sama ada ia berupa hukuman denda atau penjara atau sebat atau gabungan daripada hukuman-hukuman tersebut. Di samping hukuman maksima, ada juga kesalahan yang membawa hukuman minima yang mesti dijatuhkan.

Dari segi bidang kuasa dan peruntukan undang-undang untuk menjatuh dan melaksanakan hukuman, Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia diberikan bidang kuasa Jenayah berdasarkan Peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Akta Persekutuan dan Enakmen induk ataupun Enakmen Mahkamah Syariah setiap negeri (Nasohah, 2010). Undang-Undang yang mula-mula memberi kuasa hukuman ke atas kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355). Akta ini diwujudkan bertujuan memberi bidang kuasa kepada mahkamah-mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang negeri untuk mengendalikan kesalahan-kesalahan dan hukuman di bawah undang-undang Islam. Di bawah Akta ini Mahkamah Syariah hanya berkuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000.00. Pada tahun 1984, Akta ini telah dipinda dan diperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5,000.00 denda, atau penjara maksimum tiga tahun atau sebatan enam kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan (Jamal & Hashim, 2014).

Sebelum merdeka, kesalahan-kesalahan jenayah syariah adalah diperuntukkan di dalam satu peruntukan khas yang bersifat umum iaitu Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri-negeri. Walau bagaimanapun, pada awal tahun 1990-an, kesalahan-kesalahan jenayah ini telah dipisahkan menjadi enakmen kesalahan jenayah yang tersendiri berdasarkan negeri-negeri (Jamal, 2012).

Kesalahan-Kesalahan Jenayah dalam Akta/ Enakmen/ Ordinan Negeri

Berikut adalah kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan secara khusus di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri:

1. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan akhlak, seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki di tempat-tempat awam.

2. Kesalahan-kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhawat, berkelakuan sumbang, berzina, mukadimah zina, liwat, *musahaqah*, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
3. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjur, menggalak atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan.
4. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, melarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keislaman orang lain.
5. Kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pentadbiran hukum-hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau mengeji mana-mana kadhi/ hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.
6. Kesalahan penyubahatan atau bersubahat dalam melakukan apa-apa kesalahan di atas.
7. Lain-lain kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Selain daripada kesalahan Jenayah yang diperuntukkan secara khusus di dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri, kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan di dalam Akta 355 ini juga boleh dilihat peruntukannya di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Negeri-Negeri, Undang-undang Keluarga Islam Negeri-Negeri dan Undang-undang Prosedur Jenayah Syariah negeri-negeri. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah ketiga-tiga kategori undang-undang ini juga ditafsirkan sebagai kesalahan jenayah. Justeru, prosedur dan hukuman untuk tindakan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan ini perlu dibaca menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri berkenaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa perlu adanya pengaduan tentang mana-mana perbuatan tersebut. Penyiasatan perlulah dijalankan, pendakwaan dilakukan oleh Pendakwa Syarie, dan hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan Bidang Kuasa Jenayah 1984.

Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia adalah menyeluruh dan meliputi pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan akhlak, amalan agama, kesejahteraan masyarakat, dan pentadbiran hukum-hukum Islam. Evolusi undang-undang yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan keadilan ditegakkan sesuai dengan prinsip-prinsip syarak. Pengasingan kesalahan-kesalahan jenayah syariah kepada enakmen-enakmen tersendiri pada awal 1990-an membuktikan usaha berterusan untuk memperbaiki dan memperincikan sistem perundangan syariah di negara ini. Peranan Mahkamah Syariah bukan sahaja dalam menegakkan hukum tetapi juga dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan umat Islam di Malaysia.

Objektif Hukuman bagi Kesalahan Jenayah di Mahkamah Syariah

Undang-undang jenayah merupakan salah satu bahagian undang-undang yang terdapat di Malaysia. Undang-undang jenayah adalah berkaitan dengan kesalahan jenayah dan hukuman yang dijatuhkan ke atas seseorang yang melanggarnya. Di Malaysia, sistem keadilan jenayah adalah unik kerana terdapat dua sistem keadilan jenayah yang berjalan selari namun tidak saling menyokong antara satu sama lain. Ini disebabkan oleh pemakaian khusus satu sistem keadilan tersebut ke atas satu kelompok masyarakat tertentu. Kedua-dua sistem keadilan jenayah tersebut ialah sistem keadilan jenayah sivil dan sistem keadilan jenayah syariah (Raja Mohd Ali, 2014).

Apabila seseorang tertuduh di dalam suatu kes jenayah, baik sivil mahupun syariah, mengaku salah atau didapati salah dan disabitkan dengan kesalahan (atau kesalahan-kesalahan) yang dia dipertuduhkan, Mahkamah akan menjatuhkan hukuman. Kebiasaannya, peruntukan hukuman bagi sesuatu kesalahan menetapkan hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah; sama ada ia berupa hukuman denda atau penjara atau sebat atau gabungan daripada hukuman-hukuman tersebut. Di samping hukuman maksima, ada kesalahan yang membawa hukuman minima yang mesti dijatuhkan. Tidak kurang juga kesalahan yang mempunyai hukuman mandatori (Hussin, 2011). Bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah setiap mahkamah bergantung pada hierarki Mahkamah dan sistem keadilan jenayah di Mahkamah tersebut diletakkan.

Bagi kesalahan jenayah syariah, baik kesalahan-kesalahan yang terdapat di bawah Akta/ Enakmen/ Ordinan Undang-Undang Jenayah, Undang-Undang Pentadbiran, Undang-Undang Keluarga Islam dan Undang-Undang Tatacara Jenayah, hukumannya adalah tertakluk kepada Akta Utama yang digubal oleh Parlimen Malaysia iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984. Akta ini 355 ini hanya mengandungi 3 seksyen. Seksyen 1 menyatakan tajuk ringkas Akta ini dan menyatakan bahawa pemakaian Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia.

Seksyen 2 Akta ini menyatakan seperti berikut:

“Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sepenuhnya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.”

Seksyen 3 menyatakan seperti berikut:

"Segala kesalahan di bawah hukum Syarak yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini berhubungan dengan Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia dan yang sebelum mula berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 berhubungan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh mana-mana Mahkamah yang disebut terdahulu hendaklah disifatkan telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan dengannya telah diberi kepada Mahkamah-Mahkamah tersebut oleh undang-undang Persekutuan.”

Berdasarkan peruntukan hukuman bagi kesalahan jenayah yang terdapat di dalam Akta 355 iaitu denda, penjara dan juga sebatan dapatlah difahami bahawa hukuman yang terdapat di Mahkamah Syariah boleh dikategorikan kepada punitif dan juga bersifat individu. Punitif bermaksud bahawa hukuman yang dikenakan itu objektifnya adalah bersifat menghukum dan mendera pesalah sebagai balasan atas perbuatan jenayah yang dilakukan. Hukuman bersifat individu pula tidak hanya menekankan aspek hukuman bahkan disertakan dengan tujuan bagi memulihkan pesalah tersebut. Di Mahkamah Syariah, hukuman yang diperuntukkan iaitu penjara, denda dan juga sebatan pada dasarnya adalah bersifat punitif dan juga bersifat individu. Hukuman pemenjaraan umpamanya bertujuan bukan hanya untuk menghukum pesalah bahkan adalah untuk memulihkan pesalah tersebut melalui program-program pemulihan yang dijalankan di penjara (Hashim et al., 2021).

Konsep Hukuman Alternatif Berorientasikan Pemulihan di Mahkamah Syariah

Berdasarkan kajian dan penelitian penulis, aspek punitif lebih ketara dalam penghukuman di mahkamah syariah berbanding aspek individu atau pemulihan. Walaupun Akta 355 memperuntukkan hukuman pemenjaraan, namun ia adalah hukuman terakhir setelah semua perkara dipertimbangkan oleh Mahkamah

melihatkan kepada implikasi hukuman '*berganda*' kepada pesalah. Selain itu, hukuman pemenjaraan yang di jatuhkan juga adalah singkat dan tidak memungkinkan pesalah menjalani pemulihan (Hashim et al., 2021). Pada masa yang sama, bagi kesalahan tertentu, sebagai contoh peruntukan penjara selama enam bulan bagi kesalahan lafaz talak di luar mahkamah dilihat tidak sesuai kerana kedudukan mereka (suami) sebagai pencari nafkah untuk keluarga. Hukuman denda bagi sesetengah pesalah juga mungkin tidak berkesan kerana mereka berkemampuan daripada segi kewangan. Bagi kesalahan tertentu yang berkaitan dengan akhlak dan akidah pula, hukuman penjara dan sebatan sahaja dilihat tidak mencukupi. Pesalah bagi kesalahan sebegini memerlukan kepada proses pemulihan akidah yang tertentu untuk mengubah pemikiran, sikap dan perlakuan yang telah sebat dalam kehidupan mereka (Hashim & Jamal, 2014).


Dalam perundangan sivil di Malaysia, mahkamah di dalam mana-mana keadaan tertentu dan bergantung kepada latar belakang tertuduh tidak boleh menggunakan peruntukan hukuman bagi kesalahan tertuduh didapati salah dan di sabitkan, tetapi sebaliknya menjatuhkan hukuman berdasarkan peruntukan undang-undang lain. Apabila mahkamah menggunakan peruntukan undang-undang yang lain di dalam menjatuhkan hukuman, maka hukuman yang dijatuhkan itu adalah hukuman alternatif kepada hukuman yang sepatutnya dijatuhkan kepada tertuduh. Dalam kata lain, hukuman alternatif adalah merupakan hukuman selain daripada hukuman yang telah ditetapkan di dalam undang-undang berorientasikan pemulihan dan peluang kedua yang diberikan kepada pesalah. Contohnya ialah hukuman bagi melaksanakan khidmat masyarakat, bon berkelakuan baik dan menahan pesalah di mana-mana rumah perlindungan (Hashim et al., 2022).

Di Mahkamah Syariah, selain daripada hukuman yang telah ditetapkan di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984), Mahkamah Syariah negeri-negeri melalui peruntukan yang terdapat di dalam Akta/ Enakmen dan Ordinan Negeri-Negeri juga berkuasa untuk melaksanakan hukuman alternatif yang lain. Hukuman alternatif yang dimaksudkan adalah merupakan hukuman selain daripada hukuman penjara, sebat dan juga denda. Dalam erti kata lain, hukuman alternatif di Mahkamah Syariah dalam konteks perbincangan penulis merujuk kepada hukuman lain sebagai ganti atau alternatif kepada kesemua hukuman yang diperuntukkan di dalam Akta 355 dengan menjadikan matlamat pemulihan pesalah sebagai keutamaan bertepatan dengan konsep *ta'dib* dalam undang-undang jenayah Takzir (Jamal & Hashim, 2017). Walau bagaimanapun, hukuman alternatif berorientasikan pemulihan ini, berdasarkan penelitian dan kajian penulis, masih lagi belum dilihat menjadi keutamaan dari segi perbincangan mahupun pelaksanaannya baik di peringkat perundangan syariah negara mahupun negeri-negeri di Malaysia. Pengenalan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib Pesalah (PKW) bagi pesalah syariah pada tahun 2021 sebagai alternatif kepada pemenjaraan juga dilihat masih '*sepi*' daripada segi pelaksanaannya (Ahmad, 2021).

Analisis Kesesuaian Pelaksanaan Hukuman Alternatif Berorientasikan Pemulihan di Mahkamah Syariah

Berdasarkan penelitian dan analisis penulis terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang terdapat di dalam Akta/ Enakmen dan juga Ordinan, pesalah syarie adalah merupakan pesalah agama dan akhlak. Kurangnya ilmu dan penghayatan agama, jahil undang-undang dan hukuman, jahil terhadap hukum hakam agama, kurangnya penguatkuasaan dan tahap serta kesesuaian hukuman adalah merupakan antara faktor wujud pesalah syarie dan pesalah syarie berulang. Justeru, penyelesaian bagi pesalah syarie ini memerlukan penyelesaian secara dalaman dan luaran. Ini kerana, dalaman yang baik akan melahirkan kelakuan yang baik.

Hukuman alternatif adalah sesuai dan selari dengan konsep *uqubah* dalam Islam kerana ia mengandungi unsur-unsur pemulihan seperti kaunseling, kerja khidmat masyarakat, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah dan program di masjid. Walau bagaimanapun, penganan hukuman alternatif tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Antara faktor-faktor yang diambil kira dalam penganan hukuman alternatif kepada pesalah syariah adalah keseriusan kesalahan yang dilakukan, umur, perwatakan, tahap kesihatan mental dan lain-lain lagi. Hukuman alternatif ini hanya boleh dikenakan ke atas pesalah apabila difikirkan wajar oleh Mahkamah bahawa ia boleh suai manfaat bagi pesalah tersebut. Antara objektif utama hukuman alternatif di Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:



Rajah 1. Objektif bagi pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia

i- Sebagai peluang dan ruang untuk menyesali, menginsafi, memperbaiki diri pesalah serta memberikan keadilan

Jenayah berpunca daripada pelbagai faktor. Hukuman alternatif adalah merupakan peluang kedua yang diberikan kepada pesalah terlibat supaya mereka dapat memperbaiki diri agar dapat menjadi warganegara yang patuh kepada undang-undang dan hukum syarak. Pesalah-pesalah yang menjalani perintah pemulihan melalui hukuman alternatif ini akan diberi bimbingan untuk membentuk akidah dan sahsiah diri melalui program-program yang ditentukan. Program-program yang berbentuk kerohanian seperti menghadiri ceramah, solat jemaah dan qiamullail merupakan antara program/cadangan program yang diharap dapat menginsafkan diri mereka serta memantapkan iman. Melalui aktiviti-aktiviti dan kerja kebajikan yang dijalankan, pesalah juga akan dapat memperoleh ilmu yang bermanfaat yang dapat mendidik mereka menjadi ketua keluarga ataupun ahli keluarga yang bertanggung jawab dan berakhlak mulia setelah mereka selesai menjalani hukuman alternatif, sekali gus merupakan solusi kepada gejala sosial dalam masyarakat (Jamal & Hashim, 2016; Awang Mahmud, 2013).

ii- Dapat mengelakkan implikasi negatif hukuman penjara dan hukuman 'berganda' akibat pemenjaraan

Hukuman Pemenjaraan seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah syariah. Ini kerana pesalah jenayah syariah adalah merupakan pesalah agama dan seharusnya dipulihkan dengan menggunakan pendekatan keagamaan (Jamaludin Saad, 2015). Hukuman penjara sedia ada akan memberi impak negatif dan memberi kesan hukuman 'berganda' kepada kehidupan pesalah. Pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara dalam tempoh yang singkat, bukan sahaja tidak dapat mengikuti program pemulihan Program Pembangunan Insan (PPI) di penjara, malahan akan menjejaskan kehidupan mereka dan keluarga mereka akibat daripada berkemungkinan kehilangan pekerjaan. Justeru hukuman alternatif adalah lebih sesuai dan lebih efektif (Hasnizam Hashim et al., 2021). Melalui pelaksanaan hukuman alternatif ini juga, fungsi institusi agama dan ahli kariah dalam membantu proses pemulihan pesalah akan dapat dioptimumkan. Kos pemenjaraan dan perbelanjaan negara juga akan dapat dikurangkan (Nordin, 2015).

Analisis Mekanisme Pelaksanaan Hukuman Alternatif Berorientasikan Pemulihan di Mahkamah Syariah

Peruntukan undang-undang berkaitan pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah boleh dilihat dalam peruntukannya dalam undang-undang berikut (Akta dan Enakmen Jenayah dan Tatacara Jenayah Syariah Negeri-Negeri):

- a) Akta/ Enakmen/ Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah
- b) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah

Peruntukan mengenai hukuman alternatif iaitu hukuman selain denda, penjara dan sebatan yang dinyatakan dalam undang-undang di atas terpakai kepada pesalah muda dan pesalah kali pertama sahaja. Pelaksanaan hukuman pula adalah sebagai ganti atau tambahan kepada hukuman sedia ada. Semua negeri telah menerima dan menguatkuasakan akta/ enakmen/ ordinan tatacara dan kesalahan jenayah syariah ini

di bawah model undang-undang seragam yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja kecuali Kedah dan Perlis (Akta dan Enakmen Jenayah dan Tatacara Jenayah Syariah Negeri-Negeri). Dari segi bentuk hukuman alternatifnya pula adalah seperti berikut:


- a) Perintah Berkelakuan Baik (Bon Berkelakuan Baik)
- b) Pemulihan di Pusat Pemulihan yang diluluskan/ Rumah diluluskan

Dari segi perintah berkelakuan baik (bon berkelakuan baik) pesalah muda dan pesalah kali pertama boleh diperintah untuk menghadiri sesi kaunseling, program di masjid, melakukan kerja khidmat masyarakat dan sebagainya. Syarat-syarat yang dikenakan ke atas orang yang dituduh dan syarat-syarat ikat jamin adalah atas budi bicara dan bidang kuasa mahkamah (Ismail, 2016).

Dari segi pemulihan di pusat pemulihan yang diluluskan/ rumah diluluskan pula, Mahkamah Syariah boleh memerintahkan agar pesalah dihantar ke pusat pemulihan/ rumah diluluskan. Kuasa untuk menubuhkan pusat pemulihan/ rumah diluluskan ini adalah terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqab* (Negeri Selangor) 2013 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013, '*Rumah Pemulihan*' bermaksud mana-mana rumah pemulihan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan terhadap *riqab*. Istilah '*pemulihan*' yang dimaksudkan merujuk kepada proses pemulihan melalui latihan dan aktiviti-aktiviti yang tertentu berdasarkan modul, kaunseling dan khidmat nasihat yang teratur bagi mengubah tingkah laku negatif dan membangunkan peribadi di kalangan *riqab*. Pemulihan yang diberikan merangkumi proses penyembuhan secara klinikal dan rohaniyah melalui agensi yang mempunyai bidangkuasa ke atas *Riqab* bagi menyembuhkan '*penyakit*' yang dihadapi (Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqab* (Negeri Selangor) 2013). Tidak semua negeri mempunyai peruntukan bagi menubuhkan pusat pemulihan bagi pesalah syariah. Sehingga kini, hanya ada tujuh buah negeri sahaja yang mempunyai peruntukan tersebut iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Terengganu dan Pahang. Sementara itu, negeri-negeri lain masih belum mempunyai peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi menubuhkan Pusat Pemulihan. Kuasa bagi menubuhkan pusat pemulihan adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti yang diperuntukkan di dalam enakmen pentadbiran setiap negeri kecuali Perlis (Hashim et al., 2022).

Berdasarkan penelitian dan kajian yang dilakukan oleh penulis ke atas peruntukan berkaitan hukuman alternatif berbentuk bon berkelakuan baik ke atas pesalah muda dan pesalah kali pertama mendapati beberapa aspek perlu di tambah baik di Mahkamah Syariah iaitu keperluan kepada pentafsiran umur bagi pesalah kanak-kanak di Mahkamah Syariah dan keperluan kepada pentafsiran umur yang seragam bagi pesalah muda. Ketidakselarasan pentafsiran dalam peruntukan ini akan menyulitkan penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang dalam sistem perundangan dan kehakiman jenayah syariah negeri-negeri sekiranya hukuman alternatif hendak dilaksanakan. Modul pemulihan yang bersesuaian juga sukar hendak dilaksanakan. Justeru, pentafsiran umur perlu diselaraskan di kesemua negeri-negeri bagi memudahkan pelaksanaannya. Tidak sebagaimana Mahkamah Sivil, penulis juga mendapati bahawa sehingga kini tiada tatacara khusus yang dirujuk oleh Mahkamah Syariah dan institusi pemulihan syariah bagi pengendalian hukuman alternatif terhadap terhadap pesalah muda dan pesalah kali pertama (Hashim & Jamal, 2017).

Berdasarkan penelitian dan kajian yang dilakukan oleh penulis pemulihan di pusat pemulihan/ rumah diluluskan, sehingga kini tidak semua negeri mempunyai peruntukan untuk menubuhkan pusat pemulihan. Sekiranya terdapat peruntukan pun, tidak semua menubuhkannya. Perintis bagi pelaksanaan rumah pemulihan tersebut dapat dilihat dengan kewujudan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Negeri Selangor. Walaupun wujud beberapa permasalahan dan kekangan, namun kewujudannya telah dimanfaatkan juga oleh negeri-negeri lain melalui perintah bersaling dengan menghantar pesalah dari negeri masing-masing untuk tujuan pemulihan. Kewujudannya juga boleh dijadikan perintis dan model kepada negeri-negeri lain dalam usaha untuk mewujudkan pusat pemulihan di negeri masing-masing (Jamal & Hashim, 2016).



Rajah 2. Kategori hukuman alternatif di bawah sistem perundangan Syariah di Malaysia

Kesimpulan

Pendekatan dan bentuk hukuman yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah pada masa kini perlu segera berubah sesuai dengan perubahan zaman yang menuntut kepada kepelbagaian mekanisme dalam mencapai keadilan. Penulisan yang dilakukan ini timbul daripada hasrat yang kuat untuk melihat aspek dan aplikasi pemulihan pesalah jenayah syariah melalui pelaksanaan hukuman alternatif yang memberikan penekanan terhadap aspek pemulihan pesalah dibangunkan seiring dengan sistem perundangan sivil negara. Pendekatan untuk merubah dasar punitif semata-mata kepada rehabilitatif atau pemulihan adalah lebih menepati konsep *uqubah* dalam Islam dan perlu segera dibangun dan dilaksanakan. Tambahan pula, pesalah jenayah syariah adalah merupakan pesalah agama dan jenayah yang dilakukan berpunca daripada banyak faktor khususnya berkaitan kejahilan dan kurangnya penghayatan agama. Justeru, mereka perlu dipulihkan dengan diberikan bimbingan keagamaan dan program-program yang bersesuaian perlu dilaksanakan secara sistematik agar mereka dapat dikembalikan kepada masyarakat sebagai individu yang baik. Sehingga hari ini, hukuman alternatif dengan menekankan aspek pemulihan pesalah kelihatan masih '*suram*' pelaksanaannya di bawah perundangan syariah negara. Oleh itu, penulisan yang dilakukan ini diharap sedikit sebanyak akan dapat menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai hukuman alternatif dalam perundangan syariah serta dapat memberikan anjakan paradigma dan panduan kepada pembuat dasar, ahli perundangan dan kesemua pihak yang berkaitan agar dapat mewujudkan hukuman alternatif yang lebih komprehensif dan efektif khususnya dalam aspek pemulihan pesalah. Dengan memperkasakan pelaksanaan hukuman alternatif yang berorientasikan pemulihan, diharapkan sistem perundangan syariah di Malaysia dapat menjadi lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan pemulihan pesalah jenayah syariah. Selain itu, penulisan ini diharap dapat membuka ruang perbincangan dan dialog yang konstruktif mengenai reformasi perundangan alternatif syariah pada masa depan.

Rujukan

- Abas, N. (2015, March 3). *Hukuman alternatif kepada pesalah jenayah Syariah dalam undang-undang jenayah Syariah di Malaysia*. Persidangan Meja Bulat kali Pertama, Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSII0/UKM/02/8), Hotel Puri Pujangga UKM, Putrajaya.
- Abdul Malik, J. (2008). *Al-Mausu'ah al-Jin'iyah*. Dar Ihya' al-Turath al-NArabiy: Beirut.
- Ahmad, S. (2021, Oktober 28). "JKSM lancar dua buku berkaitan pesalah syariah". BH Online. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/881020/jksm-lancar-dua-buku-berkaitan-pesalah-syariah>
- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355).
- Akta Penjara 1995 dan Peraturan-Peraturan (Akta 537).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560).
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
- Asmadi, H. (2011, November 1). Pelaksanaan hukuman alternatif: Aplikasi di Mahkamah Sivil. *Seminar Pendakwaan Syariah*, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor, Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam, Selangor.

- Awang Mahmud, A. A. (2013, Mac 6). Hukuman alternatif: Satu perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah. *Konvensyen Perundangan Syariah*, Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Bangunan SUK Seremban.
- Awang, M. (2014). Di mana kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan jenayah Syariah. *Seminar Undang-Undang & Masyarakat II (SLAS II)*, Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 (En. 3/92).
- Enakmen Jenayah dalam Syarak (Perlis) 1991 (En. 4/93).
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (En. 4/92).
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (En. 9/95).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Johor) 1997 (En. 4/97).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1998 (En. 9/98).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 (En. 2/85).
- Enakmen Kesalahan Jenayah (Syariah) (Sabah) 1995 (En. 3/95).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (En. 3/96).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 (En. 7/01).
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (En. 6/91).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu (Pahang) 1982.
- Enakmen Prosedur Jenayah dalam Syarak 1993 (Perlis) (En. 7/93).
- Enakmen Tatacara Jenayah (Perak) 2004 (En. 5/04).
- Enakmen Tatacara Jenayah (Terengganu) 2001 (En. 5/01).
- Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 7/04).
- Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (En. 3/03).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (En. 21/2014).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (En. 19/03).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (En. 9/02).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (En. 13/03).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (En. 8/02).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Kelantan) (En. 8/2002).
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (Sabah) (En. 9/04).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 2/03).
- Haron, N. (2004). Peranan Hukuman dalam membendung jenayah rogol-bunuh di Malaysia. *Jurnal Kanu Anon.* (2014, December 20). Kadar residivis turun 0.49 peratus sejak sistem parol di laksana. MStar Online. Retrieved from <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/12/20/kadar-residivis/n>, 13.
- Hashim, H., & Jamal, J. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan kajian semula terhadap bentuk-bentuk hukuman bagi kes-kes jenayah Syariah. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 12, 87-103.
- Hashim, H., & Jamal, J. (2017) Pelaksanaan hukuman alternatif di Mahkamah Syariah: keperluan kepada pemantapan peruntukan perundangan dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-negeri. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, SI, 1-15.
- Hashim, H., Shah, H. A. R., Baharuddin, A. S., Mualimin, M. M., & Hussin, S. (2021). Program pemulihan luar penjara bagi pesalah jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 43(SI), 143-151.
- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Jusof, N., & Alias, M. A. A. (2023a). Pelaksanaan hukuman alternatif terhadap pesalah jenayah di bawah sistem perundangan Syariah di Malaysia: Implementation of alternative punishments for criminal offenders under the Sharia legal system in Malaysia. *CFORSJ Procedia*, 1, 140–151.
- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Mohammed Hasan, B. M., Jusof, N., & Alias, M. A. A. (2023b). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan program pemulihan terhadap pesalah jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia: Issues and challenges in the implementation of rehabilitation programs for Shariah offenders: a study in the Malaysian prison department. *CFORSJ Procedia*, 1, 128–139.

- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Mohammed Hassan, B. M., & Jusof, N. (2022). Hukuman alternatif di Mahkamah Syariah: Satu penjelasan dari sudut pentafsiran dan keperluan kepada penilaian terhadap peruntukan perundangan di dalam akta/enakmen kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFICFC 2022)* (pp. 407-419), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Husin, A. (2011). Pelaksanaan Hukuman Alternatif: Aplikasi di Mahkamah Sivil. *Seminar Pendakwaan Syariah: Hukuman Alternatif Pendakwaan dan Keberkesanan pada 1 November 2011*, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Ismail, S. Z. (2011). Hukuman alternatif dari perspektif undang-undang Syariah. *Shariah Law Reports*.
- Ismail, S. Z. (2016). *Undang-undang tatacara jenayah Syariah*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Jamal, J. (2012). Pertambahan bidang kuasa jenayah Syariah: Impaknya terhadap institusi kehakiman Syariah di Malaysia. *Shariah Law Reports*.
- Jamal, J., & Hashim, H. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan kajian semula terhadap bentuk hukuman bagi kes-kes jenayah Syariah. *Ulum Islamiyyah*, 12, 87–103. <https://doi.org/10.33102/uij.vol12no.215>
- Jamal, J., & Hashim, H. (2016). Hukuman alternatif di Mahkamah Syariah: Keperluan penambahbaikan peruntukan perundangan Syariah negeri-negeri. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1–16. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol4no1.18>
- Jamal, J., & Hashim, H. (2017). Transformasi bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Penilaian semula terhadap hukuman takzir. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 26(1), 38-71.
- Kanun Keseksaan (Akta 574).
- Kanun Prosedur Jenayah & Kaedah-Kaedah (Akta 593).
- Musa, Y. (2014, Disember 23). Isu dan cabaran hukuman alternatif dalam undang-undang jenayah Islam di Malaysia. *Seminar Undang-Undang Jenayah Islam Peringkat Kebangsaan*, Fakulti Undang-Undang, UKM.
- Musa, Y. (2015, Mac 3). *Hukuman alternatif kepada pesalah jenayah Syariah dalam undang-undang jenayah Syariah di Malaysia*. Persidangan Meja Bulat kali Pertama, Grup Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8), Hotel Puri Pujangga UKM, Putrajaya.
- Nasohah, Z. (2004). Institusi Kehakiman Islam. In Siti Zalikah Hj. Md. Nor et. al (Ed.), *Al-Syariah Kehakiman Islam* (Vol. Jilid 2, pp. 1-23). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 (Bab 46/2001).
- Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Sarawak) (Bab 45/2001).
- Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013.
- Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan Riqab (Negeri Selangor) 2013
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Raja Mohd Ali, R. B. H. (2014). Keberkesanan Konsep Pemulihan dan Keadilan Restoratif dalam Hukuman. *Seminar Undang-Undang dan Masyarakat II: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia pada 3 April 2014*, Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.